

UM 16 FEB 2005

'Rafik ketepi protokol

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 15 Feb. — "Rafik al-Hariri (Allahyarham) sendiri yang akan menjemput dan memandu kereta dari lapangan terbang ke rumahnya apabila saya tiba di Lebanon. Saya pula, pernah memandu untuknya ketika beliau (Rafik) melawat Langkawi sebelum ini."

Itu adalah luahan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menggambarkan hubungan rapatnya dengan bekas Perdana Menteri Lebanon itu yang terbunuh dalam satu letupan bom kuat di tengah Beirut semalam.

Dr. Mahathir berkata, setiap kali beliau dijemput ke Lebanon sama ada semasa menjadi Perdana Menteri atau selepas bersara, Rafik akan menjemput beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tinggal di kediam-

annya iaitu Koraitem yang terletak tidak jauh dari lapangan terbang.

Dr. Mahathir menyifatkan Rafik seorang pembesar negara yang sanggup mengetepikan protokol demi sahabat.

Katanya, pembunuhan Rafik merupakan tragedi dan kehilangan besar kepada Lebanon serta dunia Arab kerana Allahyarham adalah pemimpin yang berwawasan tinggi.

"Beliau kawan baik saya. Beliau berjaya

demi sahabat'

membangunkan semula Beirut menjadi bandar raya yang cantik dan menarik dengan mengekalkan bangunan lama," katanya.

Atas sifat Rafik mudah mesra dan memiliki wawasan yang tinggi untuk membangunkan negara, Dr. Mahathir hairan mengapa bekas Perdana Menteri Lebanon itu dibunuh.

"Siapa pihak yang bertanggungjawab? Saya fikir ada usaha untuk membunuh beliau," katanya ketika bercakap kepada pemberita di Ibu Pejabat Petronas di sini hari ini.

Beliau mengulas tragedi pembunuhan Rafik di Beirut, semalam.

Rafik pernah melawat negara ini beberapa kali termasuk atas jemputan Dr. Mahathir ketika menerajui kerajaan.

Mengimbas kembali detik perkenalannya dengan Rafik ketika bekas Perdana Menteri itu pertama kali melawat Malaysia pada tahun 1995, Dr. Mahathir mendapati, beliau memiliki sifat mudah mesra selain bercita-cita tinggi membangunkan semula Lebanon.